



# **Nantikan laporan khas Wilayahku Edisi 147 berkaitan #banjir2021 pada Jumaat 24 Disember 2021**

---

Laporan harian di  
[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)  
dan  
media sosial Wilayahku





**PEJABAT MENTERI**  
**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **KWP PANJANGKAN BANTUAN UNTUK OPERASI BANJIR DI LUAR KAWASAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR, 22 Disember 2021--** Saya ingin menarik perhatian mengenai dakwaan di laman sosial bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui agensi di bawahnya hanya bertindak menghulurkan bantuan selepas empat hari kejadian banjir menimpa negeri jiran iaitu Selangor.

Ingin saya tegaskan bahawa Kuala Lumpur juga berhadapan dengan kejadian banjir buruk dan tanah runtuh akibat hujan lebat berterusan, di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terlibat dengan kerja-kerja operasi membantu, menyelamat dan membersih kawasan-kawasan yang terkesan dengan bencana banjir di ibu kota.

KWP sentiasa memastikan pengurusan banjir di Kuala Lumpur berada dalam keadaan yang terbaik namun dalam masa sama, KWP tetap tidak lupa untuk menyumbang tenaga dengan membantu sahabat-sahabat warga kota iaitu mangsa banjir di luar Wilayah Persekutuan.

Walaupun begitu, operasi bantuan KWP melalui DBKL di luar Wilayah Persekutuan telah bermula pada 19 Disember 2021 manakala melalui Perbadanan Putrajaya (PPj) pula, mereka telah mula turun memberi bantuan di kawasan-kawasan yang terlibat dengan banjir sejak 18 Disember lagi.

DBKL telah menghantar bantuan di kawasan Kampung Baru Hicom, Seksyen 26 Shah Alam pada 19 Disember dan Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam pada 20 Disember.

Sejak 19 Disember sehingga hari ini, DBKL telah mengerahkan seramai 121 orang anggota daripada Jabatan Penguatkuasaan DBKL dan Jabatan dalaman DBKL yang lain. Selain itu DBKL juga telah menyediakan sebuah unit ‘rescue tender’, sebuah unit bot penyelamat, sebuah trak ‘pick-up’, dua buah lori, lima buah van, dua buah kereta jenis X70, sebuah kereta jenis Preve, sebuah treller dan tiga buah lori jenis ‘open lorry’ di kawasan terbabit. DBKL juga telah menyediakan enam buah tandas bergerak bersama dengan sebuah tangki air.

Antara tindakan dan bantuan yang disalurkan adalah menyelamatkan 57 orang mangsa yang terkandas di kawasan banjir dan memindahkan mereka di kawasan yang selamat. Selain itu anggota penyelamat daripada DBKL juga membantu mengagihkan makanan kepada mangsa-mangsa banjir hasil sumbangan daripada syarikat KK Mart dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bersama-sama membantu meringankan beban mangsa-mangsa banjir yang terlibat.

PPj pula manakala telah menggerakkan sebuah bot utiliti di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat dan tiga unit ‘Sailing Optimis’ untuk penghantaran keperluan makanan di Taman Baiduri, Dengkil sejak 18 Disember. Pada 20 Disember pula, PPj menggerakkan misi membantu mangsa banjir di sekitar Mukim Labu, Dengkil dan Kampung Olak Lampik, Kuala Langat.

Semalam, bantuan diteruskan lagi dengan PPj menggerakkan 50 anggota dan sukarelawan bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan serta bantuan ke Kampung Labu Lanjut, Sepang, yang bermula hari ini.

PPj juga menyediakan dua buah lori, dua buah lori tangki, 15 kenderaan pacuan empat roda, sebuah jentolak, peralatan pembersihan seperti 15 unit water jet, tiga unit pam air, satu generator set dan empat tong sampah ‘roro’ bagi tujuan tersebut.

Kerja-kerja tertumpu kepada pembersihan kemudahan awam seperti surau An Nur Desa RTB, masjid, balai raya mini serta taman permainan kanak-kanak di taman di sekitar Kampung Baru Lanjut iaitu di Taman Dataran Abadi, Kampung Baru Lanjut, Taman Salak Pekerti, Taman Salak Budi, Taman Indah Puteri, Taman Salak Kasturi, Taman Intan Baiduri, Perumahan Haji Malik dan Taman Salak Lestari.

Untuk misi bantuan di Sepang ini, ia turut dibantu oleh pelbagai agensi antaranya Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, Majlis Perbandaran Sepang, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

KWP melalui agensi-agensinya atas dasar keprihatinan dan kebersamaan, komited untuk menghulurkan tenaga, bantuan dan sumbangan serta sentiasa meningkatkan bantuan dari masa ke semasa meskipun negeri tersebut bukan di bawah tanggungjawab kementerian ini. KWP juga terus melakukan pemantauan secara berkala di kawasan-kawasan yang keadaan banjir semakin baik dan bantuan bakul makanan akan terus diedarkan kepada penduduk yang terjejas.

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**22 Disember 2021**

# KWP kerah lebih 100 anggota DBKL bantu mangsa banjir

HAZIRAH HALIM

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan mengerahkan lebih 100 anggota unit bahagian kecemasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membantu mengsa banjir di Taman Seri Muda dan Seksyen 25, Shah Alam.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, anggota yang dibawa dibahagikan kepada tiga unit tugas.

"Pertama, mereka dibawa untuk membersihkan sampah di sekitar kawasan ini memandangkan ia dipenuhi dengan sampah sarap yang dibawa oleh arus banjir.

"Di bahagian lain, mereka akan membantu pihak penyelamat untuk mengeluarkan mangsa yang masih terperangkap di rumah dan kami giat mendapatkan kenderaan bagi membantu proses ini," katanya ketika ditemui selepas membuat tinjauan di sekitar Taman Seri Muda, hari ini.

Selain daripada bantuan tersebut, pihaknya juga sedang mendapatkan tandas dan surau bergerak bagi kemudahan mangsa banjir di kawasan ini termasuk Dengkil dan Bukit Changang.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, keadaan banjir di Kuala Lumpur sudah reda dan proses pembersihan sedang dijalankan.

"Kita akan gunakan pam besar untuk mengeluarkan air di bassement parkir terutamanya," katanya.

Menurut Shahidan, pihaknya turut bekerjasama dengan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) untuk melakukan siasatan dan kajian mengenai tanah runtuhan di 47 lokasi sekitar ibu negara.

"Ada dua cerun utama yang memerlukan pemantauan iaitu Bangsar Indah dan Jalan Duta.

"Kita sudah sediakan perkara yang diperlukan dan ia memerlukan nasihat daripada pakar. Kita tidak boleh buat sesuka hati untuk mengelakkan berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini yang boleh membahayakan nyawa," katanya. - **WILAYAHKU**
















18-12-2021 Sat 21:49:58





OPPO F9



# **Bencana sangat luar biasa, bataskan usaha menyelamat...**

"Kami sedaya upaya membantu mengeluarkan mangsa banjir dengan segala yang kami ada. Kalau tiada sampan, kami sanggup datang dan pikul mangsa ke tempat selamat. Apakan daya, kami tidak mampu memuaskan hati semua orang,".

Itu luahan Pegawai Operasi Zon 4 Selangor (Hulu Langat) Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Penolong Penguasa Bomba Mohamad Akmal Mohamad Khairi.

Mohamad Akmal berkongsi luahan itu menerusi Facebook (Fb) miliknya susulan kritikan dilemparkan netizen terhadap anggota bomba yang dikatakan lambat bertindak dalam menyelamatkan mangsa banjir.

Menurut Mohamad Akmal, bencana yang berlaku ada kalanya sangat luar biasa hingga membataskan anggota melakukan kerja menyelamat mangsa ditambah lagi dengan kekangan ketika bertugas.

"Kami bertugas dengan anggaran tujuh hingga 12 anggota di setiap balai bagi satu syif. Apabila ada panggilan kecemasan banjir, kami semua akan bergegas ke lokasi panggilan yang pertama dahulu.

"Ketika berlakunya bencana, panggilan kecemasan yang masuk kebiasaan akan bertalu-talu dan tanpa henti, itu tidak termasuk lagi panggilan terus ke telefon bimbit anggota dan pegawai.

"Persoalannya, bagaimana kami nak hadir 10 tempat berbeza dalam masa yang sama? Kami tiada masa untuk merakam video atau mengambil gambar ketika bekerja kerana kami sememangnya tiada masa untuk berbuat demikian," katanya.

Menurutnya, anggota dan pegawai bertugas mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) ditetapkan.

Katanya, amalan JBPM sama seperti agensi lain iaitu mementingkan keselamatan terlebih dahulu sebelum melakukan tugas menyelamat bagi mengelakkan risiko pada diri sendiri mahupun rakan sepasukan.

"Ketika itu, masa dan peluang adalah amat terhad untuk kami bertindak. Bilangan anggota kami terhad, aset juga terhad.

"Satu pasukan penyelamat terpaksa memberi maklum balas beratus panggilan. Pada masa itu, kami akan utamakan kes yang boleh kami respon (beri maklum balas) bergantung kepada tahap bahaya dan risiko bakal dihadapi.

"Ada masanya, kami sanggup mengambil risiko tinggi demi menyelamatkan nyawa. Apabila berlakunya bencana, kami tidak tamatkan syif kami dengan balik tepat pada masa tetapi sanggup bekerja lebih masa tanpa mendapat apa-apa bayaran demi keselamatan nyawa (masyarakat) dan harta-benda anda.

"Saya bertugas di pejabat bomba mengikut waktu pejabat tetapi apabila terima panggilan kecemasan, saya perlu hadir ke lokasi tidak kira waktu dan masa. Tengah malam, pagi buta (awal pagi), hari cuti dan waktu rehat pun tetap akan hadir demi tugas," katanya.

Tambahnya, apabila berlakunya bencana, tugas selaku pegawai kanan sedikit berbeza dengan anggota kerana tiada syif.

Katanya, pegawai perlu bertugas merancang, mengkoordinasi dan mengawal tindakan operasi sehingga keadaan selesai.

"Kadang kala, memakan masa hingga lebih 48 jam lamanya. Kami terpaksa melupakan waktu rehat, saat bersama anak dan isteri serta penat jerih di pejabat kerana kami tahu, tugas kami masih belum berakhir.

"Bagaimanapun, apabila kami muncul membantu, tiada langsung sikap menghargai walau dengan ucapan terima kasih namun lebih teruk lagi pengorbanan kami dibalas dengan cercaan lambat, lembab, makan gaji buta dan macam-macam lagi.

"Fahamilah kami juga, kami juga manusia. Kami juga ada keluarga, batas kemampuan juga hati dan perasaan. Fikirlah dahulu sebelum berkata-kata," katanya.

Katanya, pemergian enam anggota bomba akibat lemas ketika melakukan kerja menyelamat pada 2018 masih meninggalkan kesan mendalam buat semua sehingga kini.

"Enam sahabat seperjuangan kami pergi meninggalkan kami serentak. Hanya Allah yang tahu hati kami," katanya.



